

14 JUL 1998

DR MAHATHIR RASMI HUKM

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) di Bandar Tun Razak di sini.

Perdana Menteri dijangka melawat tempat-tempat seperti jabatan surgery dan menyaksikan pembedahan "laparoskopik", klinik optalmologi selain melawat pameran dan menyaksikan tele-perubatan di klinik perubatan do hospital itu.

Dr Mahathir sendiri pernah menjalani pembedahan kecil membuang darah beku di buku lali kirinya di hospital itu Mei lepas dan menjalani rawatan lanjutnya di situ.

Hospital UKM yang mula beroperasi sepenuh pada 1 Julai tahun lepas adalah hospital pengajar yang ketiga di negara ini yang dikendalikan pakar-pakar perubatan yang juga menjadi pensyarah dan profesor. Yang pertama ialah Hospital Universiti (Malaya) dan yang kedua Hospital Kubang Kerian (Universiti Sains Malaysia)

Hospital itu boleh menampung 700 orang pelajar pra-siswazah dan 600 orang pasca-siswazah dan secara keseluruhannya mempunyai 1,050 buah katil.

-- BERNAMA

RAZ WAT